A

BALAMURUGAN VEERASAMY v. MENTERI DALAM NEGERI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MARIANA YAHYA H
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: WA-25-41-01-2020]
B 10 MAC 2021

PROSEDUR SIVIL: *Semakan kehakiman – Permohonan – Permohonan semakan terhadap perintah Menteri Dalam Negeri – Pemohon dituduh atas kesalahan berkaitan keganasan berikutan perintah – Sama ada pemohon pihak yang terkilan dengan perintah – Sama ada keputusan atas perintah boleh disemak melalui*
C *semakan kehakiman – Sama ada pemohon telah mengguna remedi domestik terlebih dahulu – Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, s. 66B*

HAD MASA: *Tindakan – Pemfailan – Permohonan semakan terhadap perintah*
D *Menteri Dalam Negeri – Pemohon dituduh atas kesalahan berkaitan keganasan berikutan perintah – Sama ada terdapat kelewatan memfailkan semakan kehakiman – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 53 k. 3(6)*

Pemohon antara individu-individu yang ditahan, disiasat dan dituduh di Mahkamah Sesyen atas dakwaan menyokong kumpulan pengganas, iaitu
E Liberation Tigers of Tamil Eelam ('LTTE'), satu pertuduhan berkaitan keganasan bawah Bab VIA Kanun Keseksaan, yang diklasifikasikan sebagai 'security offences' dalam Jadual Pertama Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Menurut pemohon, (i) tuduhan-tuduhan tersebut dibuat terhadapnya berikutan pengisytiharan LTTE sebagai 'entiti
F ditentukan' bawah s. 66B Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') melalui satu perintah yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri ('responden pertama'); (ii) kegagalan responden pertama mengambil kira pertimbangan-pertimbangan relevan menjadikan perintah tersebut tidak
G munasabah, salah di sisi undang-undang, tercemar dengan kekhilafan undang-undang dan berniat jahat; dan (iii) perintah itu menyebabkan hak asasi pemohon bawah Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan') dicabuli dan hak kebebasannya ditindas oleh responden-responden. Pemohon memfailkan permohonan semakan kehakiman ini untuk mencabar perintah tersebut. Isu-
H isu yang timbul dalam permohonan ini adalah: (i) sama ada terdapat kelewatan memfailkan semakan kehakiman; (ii) sama ada pemohon pihak yang terkilan dengan perintah tersebut; (iii) sama ada keputusan atas perintah tersebut boleh disemak melalui semakan kehakiman; dan (iv) sama ada remedi domestik telah digunakan terlebih dahulu.

I

Diputuskan (menolak permohonan pemohon tanpa perintah untuk kos):

(1) Aturan 53 k. 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memperuntukkan bahawa permohonan semakan kehakiman hendaklah segera dibuat iaitu tiga bulan dari tarikh keputusan disampaikan atau alasan permohonan timbul. Responden pertama membuat perintah tersebut pada 12 November 2014 dan mewartakannya pada tarikh yang sama. Sebaik sahaja perintah tersebut dibuat, mana-mana rakyat Malaysia dan badan berkanun yang dibadankan di Malaysia hendaklah tidak melibatkan diri atau terlibat dengan apa-apa aktiviti entiti ditentukan sebagaimana yang dinyatakan bawah s. 66B(3)(a) hingga (d). Seksyen 66B(6) Akta juga memperuntukkan bahawa entiti ditentukan yang berkaitan boleh, dalam tempoh 60 hari tempoh perintah diwartakan, membuat permohonan bertulis kepada Menteri Dalam Negeri untuk membatalkan perintah yang dibuat bawah s. 66B(1). Pemohon hanya memfailkan permohonan semakan kehakiman ini pada 8 Januari 2020 iaitu selepas pemohon dituduh di Mahkamah Sesyen pada bulan Oktober 2019. Terdapat kelewatan dalam memfailkan permohonan ini dan atas sebab kelewatan ini sahaja, permohonan boleh ditolak secara *limine*. (perenggan 15-20)

(2) Pemohon tidak lagi menjadi pihak yang terkesan dengan perintah tersebut kerana dia tidak lagi tergolong bawah maksud s. 66B(3) Akta. Pihak pendakwaan telah menarik balik pertuduhan terhadap pemohon. Tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan pemohon masih lagi menganggotai LTTE atau menjalankan aktiviti berkaitan LTTE. Oleh itu, pemohon bukan lagi orang yang berkepentingan untuk mencabar perintah tersebut. (perenggan 21)

(3) Responden pertama membuat keputusan beliau menurut undang-undang. Beliau telah berpuas hati dengan maklumat-maklumat yang diberi oleh pihak polis tentang aktiviti LTTE untuk membolehkan satu perintah dikeluarkan, seperti yang dikehendaki s. 66B Akta. Pemohon gagal menunjukkan bahawa pertimbangan responden pertama tentang aktiviti LTTE adalah salah. Responden-responden telah mengeluarkan perintah atas fakta keselamatan rakyat, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Perintah tersebut sah di sisi undang-undang dan tidak bercanggah dengan per. 5(1), 8(1) dan 10(2)(a), 10(2)(b) dan 10(2)(c) Perlembagaan. Keputusan responden pertama tidak terbuka untuk semakan kehakiman. (perenggan 22-24)

(4) Remedi domestik hendaklah digunakan terlebih dahulu. Berdasarkan s. 66B(6) Akta, permohonan pembatalan hanya boleh dibuat dalam masa 60 hari dari tarikh penyiaran perintah itu dalam *Warta* dan tidak selepasnya. Semenjak perintah tersebut diwartakan pada 12 November 2014, pemohon tidak pernah memfailkan sebarang permohonan kepada

Menteri Dalam Negeri untuk membatalkan perintah tersebut. Pemohon gagal melaksanakan remedi domestik yang diperuntukkan oleh undang-undang sebelum memfailkan permohonan semakan kehakiman ini. (perenggan 25, 27 & 30)

(5) Pemohon gagal membuktikan bahawa keputusan responden-responden tercemar dengan unsur-unsur kesilapan undang-undang, keputusan yang tidak rasional, ketidakaturan prosedur dan keputusan yang tidak bersepadanan. (perenggan 34)

Kes-kes yang dirujuk:

Alam Venture Sdn Bhd & Anor v. Abdul Aziz Abdul Majid & Ors [2015] 5 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Cheah Foong Chiew v. Lembaga Jurutera Malaysia [1999] 3 CLJ 242 CA ***(dirujuk)***

Iskandar Coast Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri [2019] 7 CLJ 143 CA ***(dirujuk)***

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v. Alcatel-Lucent (M) Sdn Bhd & Anor [2017] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v. Bandar Nusajaya Development Sdn Bhd [2016] MSTC 30-117 ***(dirujuk)***

Malaysian Trade Union Congress & Ors v. Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi & Anor [2014] 2 CLJ 525 FC ***(dirujuk)***

Ta Wu Realty Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri & Anor [2008] 6 CLJ 235 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, ss. 66B(1), (3)(a), (b), (c), (d), (4), (6), (7), 66C, 66D

Federal Constitution, arts. 5(1), 8(1), 10(1)(a), (2)(a), (b), (c)

Penal Code, s. 130

Rules of Court 2012, O. 53 rr. 2(4), 3(6)

Security Offences (Special Measures) Act 2012, First Schedule

Bagi pihak pemohon - Omar Kutty & Farhan Fadzil; T/n Kuah, Lim, Chin & Ooi
Baqi pihak responden - Ahmad Hanir Hambaly, PKP

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Mariana Yahya H:

Pengenalan

[1] Ini merupakan permohonan pemohon untuk kebenaran bagi semakan kehakiman bagi relief-relief berikut:

(i) Suatu perintah bersifat *certiorari* bagi membatalkan dengan serta-merta Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (Pengisytiharan Entiti Ditentukan dan Kehendak Untuk Melapor) (Pindaan) 2014 bertarikh 12 November 2014, (P.U. (A) 301 bertarikh

12 November 2014) (No. Rujukan KDN.K.02-2014) (perintah tersebut) di bawah ss. 66B dan 66D Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) berkenaan dengan kemasukan butiran mengenai Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE).

(ii) Suatu perintah bersifat *certiorari* bagi membatalkan dengan serta-merta butiran mengenai LTTE di dalam perintah tersebut.

(iii) Suatu pengisytiharan dan/atau deklarasi bahawa butiran mengenai LTTE dalam perintah tersebut tidak mempunyai kesan dan tidak terpakai.

(iv) Suatu pengisytiharan dan/atau deklarasi bahawa perintah tersebut berkenaan dengan kemasukan butiran mengenai LTTE adalah batal dan tidak sah di mana ia adalah *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan.

(v) Suatu pengisytiharan bahawa apa-apa tindakan di mahkamah terhadap pemohon berkaitan LTTE yang berpunca daripada keputusan responden pertama membuat perintah tersebut adalah tidak sah dan dibatalkan serta-merta.

(vi) Apa-apa lagi arahan, perintah atau writ untuk penguatkuasaan hak-hak yang terkandung dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana satu dari hak-hak tersebut, atau untuk memastikan keadilan sepenuhnya dalam perkara ini.

(vii) Ganti rugi untuk ditaksirkan.

(viii) Kebebasan kepada pemohon untuk memohon.

(ix) Tiada perintah untuk kos.

(x) Jika kebenaran untuk memohon untuk relief-relief di atas diberikan, suatu arahan bahawa pendengaran semakan kehakiman disegerakan.

(xi) Apa-apa lagi relief yang dianggap suai manfaat oleh mahkamah.

Fakta Ringkas

[2] Pemohon merupakan antara individu-individu yang telah ditahan, disiasat dan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (No. Kes: WA-62S0-8-10-2019) dan di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar (No. Kes: AG-62S0-2-10-2019) antara lain atas dakwaan memberi sokongan kepada kumpulan pengganas, secara khususnya Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE).

[3] Pemohon mendakwa bahawa tuduhan-tuduhan tersebut telah dibuat ke atas pemohon berikutan pengisytiharan kumpulan LTTE sebagai entiti ditentukan di bawah s. 66B Akta 613 melalui Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil

daripada Aktiviti Haram (Pengisytiharan Entiti Ditentukan dan Kehendak Untuk Melapor) (Pindaan) 2014 bertarikh 12 November 2014 (P.U. (A) 301 bertarikh 12 November 2014) (No. Rujukan KDN.K 02-2014) (perintah tersebut) yang dibuat oleh responden pertama. Perintah tersebut telah dibuat di bawah s. 66B dan s. 66D Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) atas dasar melaksanakan kuasa atau autoriti awam.

[4] Akibat daripada perintah tersebut, kumpulan LTTE telah diisytiharkan sebagai entiti ditentukan di bawah s. 66B Akta 613. Pemohon menegaskan bahawa suatu entiti hanya akan diisytiharkan sebagai entiti ditentukan sekiranya responden pertama berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seorang pegawai polis bahawa suatu entiti telah dengan disedarinya melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam pelakuan atau memudahkan pelakuan, suatu perbuatan keganasan, ataupun suatu entiti sedang dengan disedarinya bertindak bagi pihak, mengikut arahan, atau dengan bersekutu dengan, suatu entiti yang melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam pelakuan atau memudahkan pelakuan, suatu perbuatan keganasan.

[5] Dalam semua keadaan, keputusan responden pertama dalam membuat perintah tersebut secara khususnya dengan memasukkan kumpulan LTTE ke dalam perintah tersebut adalah tidak munasabah, tidak logik, salah di sisi undang-undang, tercemar dengan kekhilafan-kekhilafan undang-undang (errors of laws) dan berniat jahat kerana responden pertama gagal mengambil pertimbangan relevan, dan/atau mengambil kira pandangan daripada individu-individu yang tidak dikenali atau dapat dikenal pasti, tanpa memberikan pandangan tersebut kepada khalayak umum agar individu-individu umum atau individu yang terkesan berpeluang untuk didengar.

[6] Di samping itu, responden pertama juga pada setiap masa gagal mengambil kira pertimbangan-pertimbangan relevan semasa membuat perintah tersebut, antara lain, seperti:

(i) Kumpulan LTTE tidak wujud semasa responden pertama membuat keputusan untuk menyenaraikan LTTE sebagai entiti yang ditentukan.

(ii) Tidak ada apa-apa bukti bahawa rakyat Malaysia menganggotai kumpulan LTTE.

(iii) Tidak ada apa-apa bukti yang kukuh bahawa kumpulan LTTE adalah suatu entiti yang melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam pelakuan atau memudahkan pelakuan, suatu perbuatan keganasan, ataupun suatu entiti sedang dengan disedarinya bertindak bagi pihak, mengikut arahan atau dengan bersekutu dengan, suatu entiti yang melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam pelakuan atau memudahkan pelakuan, suatu perbuatan keganasan selepas tahun 2009.

(iv) Kumpulan LTTE telah dibubarkan dan/atau ditewaskan dalam perang saudara di Sri Lanka pada tahun 2009 di mana ketuanya E. Prabhakaran telah ditembak mati oleh tentera Sri Lanka.

(v) Tidak berlaku apa-apa peralihan kuasa dan/atau penggantian pucuk pimpinan LTTE sejak tahun 2009.

(vi) Kumpulan LTTE sejak tahun 2009, telah berstatus "defunct" dan tidak lagi aktif dalam apa-apa pertempuran dan/atau aktiviti keganasan sama ada di peringkat global atau dalam negara.

(vii) Kumpulan LTTE tidak pernah menyeru rakyat sedunia menyertai peperangan saudara di Sri Lanka tersebut.

(viii) Komuniti antarabangsa sehingga kini masih menyuarakan bantahan terhadap penindasan ke atas kaum-kaum minoriti yang termasuk kaum Tamil di Sri Lanka. Penindasan-penindasan sebeginilah yang telah dibantah juga oleh kumpulan LTTE.

(ix) Tiada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa penyokong perjuangan kumpulan LTTE di Malaysia memudaratkan ketenteraman awam, yang mungkin memudaratkan keselamatan, yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang dan yang mungkin memudaratkan kepentingan dan/atau kedaulatan negara.

(x) Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kumpulan LTTE memperjuangkan nasib kaum Tamil di Sri Lanka yang ditindas secara teruk oleh kerajaan Sri Lanka.

(xi) Tiada sebarang tindakan yang diambil oleh responden-responden untuk mengambil tindakan terhadap pemohon sejak 2014, sehingga pertuduhan-pertuduhan yang dibuat ke atas pemohon baru-baru ini.

(xii) Kumpulan LTTE tidak didapati memudaratkan ketenteraman awam, yang mungkin memudaratkan keselamatan, yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang dan yang mungkin memudaratkan kepentingan negara.

(xiii) Tidak didapati apa-apa aktiviti keganasan dan/atau berunsur keganasan dan/atau apa-apa aktiviti yang boleh mengancam keselamatan negara di Malaysia yang dilakukan oleh kumpulan LTTE dan/atau penyokongnya dan/atau orang yang bersimpati dengan perjuangan LTTE tersebut.

(xiv) Perintah tersebut adalah bercanggah dengan per. 5(1), 8(1) dan 10(1)(a), 10(2)(a), 10(2)(b) dan 10(2)(c) Perlembagaan Persekutuan.

[7] Keputusan responden pertama dan tindakan responden kedua telah membenarkan pencabulan hak di bawah Perlembagaan Persekutuan kerana gagal mengambil kira pertimbangan-pertimbangan relevan berikut:

(i) Sri Lanka adalah signatori kepada International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) yang mengiktiraf hak penentuan diri (right to self determination) selaras dengan artikel 1 Konvensyen tersebut dan oleh itu apa-apa tanda solidariti untuk menyokong kaum minoriti Tamil Sri Lanka yang berjuang untuk penentuan diri tidak boleh disifatkan sebagai terrorisme dan/atau keganasan.

(ii) LTTE telah mentadbirkan kerajaan sendiri dengan pengiktirafan kerajaan Sri Lanka untuk jangka masa pendek dan LTTE dilihat sebagai entiti yang paling dekat mencapai objektif penentuan diri.

(iii) Tambahan pula, terdapat bukti bahawa LTTE berulang kali cuba mencapai persetujuan damai yang boleh melindungi hak minoriti.

(iv) Keputusan untuk menyenaraikan LTTE sebagai entiti ditentukan dan/atau disenaraikan mencabuli hak bersuara rakyat Malaysia yang melihat LTTE sebagai entiti yang berjuang untuk penentuan diri akibat penindasan yang berlaku terhadap kaum minoriti.

[8] Keputusan responden pertama untuk menyenaraikan dan meneruskan penyenaraian LTTE sebagai entiti ditentukan juga kini tidak munasabah kerana tidak mengambil kira pertimbangan-pertimbangan yang relevan berikut:

(i) Penghakiman Mahkamah Keadilan Kesatuan Eropah (European Union Court of Justice) pada tahun 2017 telah memberi penghakiman bahawa penyambungan penyenaraian LTTE sebagai kumpulan terrorisme/keganasan oleh Majlis Kesatuan Eropah (Council of the European Union) adalah tidak sah kerana Majlis gagal menunjukkan bahawa sejak penumpasan kumpulan LTTE pada tahun 2009, terdapat bukti bahawa LTTE mempunyai niat untuk melancarkan apa-apa serangan. Mahkamah telah membatalkan pembekuan akaun-akaun berkaitan LTTE. Kesatuan Eropah merangkumi 28 negara yang diikat oleh penghakiman ini.

(ii) Mahkamah tertinggi Switzerland telah menghakimkan pada tahun 2019 bahawa LTTE bukanlah satu organisasi jenayah dan bahawa matlamat utama LTTE adalah untuk diiktiraf sebagai komuniti etnik berasingan. Kesemua 12 orang yang dituduh menghantar wang kepada LTTE telah dilepaskan dan dibebaskan.

[9] Pemohon mempunyai "legitimate expectation" bahawa pemohon mempunyai kebebasan untuk bersuara dan kebebasan untuk berhimpun manakala responden pertama telah membuat satu keputusan dengan niat jahat untuk membendung hak pemohon dengan cara berikut:

(i) Pihak polis tidak pernah menghentikan atau melarang apa-apa aktiviti dan/atau perhimpunan di Malaysia, termasuk Hari Peringatan (atau dikenali sebagai Maaveerar Naal) atas dasar tidak sah di sisi undang-undang yang diadakan berkaitan dengan perang saudara Sri Lanka dan/atau penyuaraan rakyat Malaysia terhadap penindasan yang berlaku di Sri Lanka dan/atau sokongan yang ditunjukkan di Malaysia terhadap kaum minoriti Tamil Sri Lanka yang memperjuangkan negara berasingan akibat penindasan yang berlaku dan/atau hari memperingati tentera dan orang umum yang terkorban semasa perang saudara demi memperjuangkan negara berasingan dan melindungi hak kaum minoriti.

(ii) Responden pertama gagal mempertimbangkan Hari Peringatan tersebut disambut di seluruh dunia dan juga dibenarkan di Sri Lanka untuk memperingati pengorbanan dan/atau mangsa-mangsa yang terkorban semasa perang saudara di Sri Lanka.

(iii) Pihak polis hadir semasa aktiviti dan/atau perhimpunan Hari Peringatan tersebut diadakan sebagaimana tersebut di atas sebagai pemerhati dan tidak pernah menyatakan bahawa tindakan sebegini adalah salah di sisi undang-undang malah tindakan polis ini telah memberi legitimate expectation bahawa tindakan pemohon telah dimaklumkan kepada dan diketahui oleh responden-responden dan oleh itu, tindakan pemohon tidak memudaratkan keselamatan awam atau memudaratkan kedaulatan negara.

(iv) Pihak polis dan/atau responden-responden tidak pernah mendapatkan perintah mahkamah untuk melarang aktiviti dan/atau perhimpunan sebagaimana yang dinyatakan.

(v) Aktiviti dan/atau perhimpunan sebagaimana yang dinyatakan dihadiri dan disertai ahli-ahli politik dan ahli-ahli akademik pelbagai kaum dan dari negara lain yang bersimpati dengan nasib kaum minoriti Tamil di Sri Lanka dan juga telah menyertai dialog atau forum untuk membincangkan isu-isu berkaitan secara terbuka.

(vi) Aktiviti dan/atau perhimpunan sebagaimana dinyatakan tersebut diterbitkan dalam akhbar-akhbar harian setiap tahun dan tiada larangan dibuat oleh pihak responden-responden dan tiada penarikan balik dibuat oleh pihak media massa.

(vii) Responden-responden telah membiarkan pemohon berterusan dengan tindakan-tindakan tanpa apa-apa amaran dan/atau larangan dan/atau perbincangan yang menunjukkan tindakan pemohon adalah bersifat dan/atau mempunyai ciri-ciri 'terrorisme'/keganasan ataupun mengancam keselamatan mana-mana pihak, ataupun kedaulatan negara.

(viii) Aktiviti dan/atau perhimpunan yang dinyatakan tersebut tidak mengganggu ketenteraman, keamanan dan keselamatan malah aktiviti dan/atau perhimpunan yang dinyatakan tersebut membuka perbincangan mengenai peranan dan tanggungjawab negara-negara dunia dalam memberi suara dan/atau sokongan moral kepada kaum minoriti Tamil Sri Lanka yang telah ditindas.

(ix) Aktiviti dan/atau perhimpunan yang dinyatakan tersebut juga memupuk kesedaran khalayak ramai mengenai penindasan-penindasan yang telah dan masih sedang berlaku di Sri Lanka.

[10] Akibat dari kegagalan responden pertama dalam mengambil kira pertimbangan-pertimbangan relevan semasa membuat perintah tersebut, ia menjadikan perintah tersebut tidak munasabah, salah di sisi undang-undang, tercemar dengan kekhilafan-kekhilafan undang-undang dan berniat jahat.

[11] Akibat dari perintah tersebut, hak asasi pemohon di bawah Perlembagaan Persekutuan telah dicabuli dan hak kebebasan pemohon telah ditindas oleh responden-responden apabila pemohon ditahan dan dituduh di bawah Bab VIA Kanun Keseksaan iaitu tuduhan berkaitan "terrorisme" ataupun keganasan, di mana tuduhan-tuduhan ke atas pemohon tersebut diklasifikasikan sebagai "security offences" dalam Jadual Pertama Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan oleh itu, pemohon telah ditahan di bawah Akta SOSMA sejak 10 Oktober 2019. Penahanan pemohon adalah salah dan ia melanggar hak asasi pemohon yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

[12] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman ini bagi mencabar perintah tersebut.

[13] Responden-responden bagaimanapun membantah terhadap permohonan semakan kehakiman ini antara lainnya atas alasan-alasan berikut:

(i) Permohonan semakan kehakiman pemohon telah difailkan di luar masa. Ianya hanya difailkan pada 8 Januari 2020. Adalah tidak dipertikaikan bahawa keputusan untuk mengisytiharkan LTTE sebagai entiti tertentu telah dibuat pada 12 November 2014. Tarikh tersebut juga merupakan tarikh keputusan tersebut diwartakan. Oleh yang demikian, sebarang permohonan untuk semakan kehakiman perlu difailkan dalam tempoh tiga bulan selepas keputusan tersebut diwartakan.

(ii) Pemohon mungkin akan mempertikaikan bahawa tarikh keputusan tersebut dikomunikasikan kepada beliau adalah tarikh di mana pemohon telah dituduh di mahkamah berkenaan dengan kesalahan berkaitan dengan perintah entiti tertentu tersebut. Sekiranya hujahan

pemohon ini diterima pakai, maka akan terdapat perbezaan tarikh untuk setiap orang di negara ini. Tambahan lagi, "ignorance of the law is not an excuse"

(iii) Perintah entititi tertentu tersebut telah dibuat di bawah s. 66B AMLA. Kesan perintah tersebut adalah untuk menghalang dari menyertai apa-apa aktiviti berkaitan dengan entiti tertentu. Sesiapa yang melanggar peruntukan tersebut telah melakukan kesalahan di bawah s. 66B(4) AMLA. Selain itu, orang tersebut juga boleh didapati bersalah untuk kesalahan di bawah Bahagian VIA - Kesalahan berkaitan Terrorism Kanun Keseksaan.

(iv) Oleh yang demikian, adalah ditegaskan bahawa tarikh keputusan tersebut diwartakan adalah tarikh keputusan tersebut dikomunikasikan kepada semua orang. Di samping itu, perintah entiti tertentu adalah merupakan undang-undang subsidiari memandangkan ianya dibuat di bawah s. 66B AMLA. Oleh itu, tarikh perintah entiti tertentu tersebut menjadi efektif adalah berdasarkan tarikh ianya diwartakan. Dalam erti kata yang lain, ianya menjadi undang-undang pada tarikh tersebut dan oleh itu "ignorance of the law is not an excuse".

(v) Isu kelewatan boleh dibangkitkan pada peringkat ini dan tidak semestinya dibangkitkan semasa peringkat kebenaran. Isu berkenaan tempoh masa untuk memfailkan permohonan semakan kehakiman adalah di bawah bidang kuasa mahkamah. Oleh yang demikian, ianya boleh dibangkitkan pada bila-bila masa.

(vi) Pemohon gagal untuk membuktikan *locus standi* sepertimana yang diperuntukkan di bawah A. 53 k. 2(4) KKM 2012. Asas untuk pemfailan permohonan semakan kehakiman ini adalah kerana pemohon telah didakwa melakukan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan kerana memberi sokongan dan memiliki barang-barang yang berkait dengan kumpulan LTTE. Seksyen 130 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa kumpulan pengganas adalah termasuk kumpulan tertentu di bawah s. 66B atau s. 66C AMLATFA.

(vii) Walau bagaimanapun, pada 21 Februari 2020, Pendakwa Raya yang terdahulu telah memutuskan untuk menggugurkan dakwaan ke atas pemohon. Selanjutnya, pemohon telah dilepaskan dan dibebaskan oleh mahkamah. Oleh itu, adalah ditegaskan bahawa pemohon tidak lagi merupakan orang yang terkesan dengan keputusan responden pertama tersebut. Tambahan lagi, pemohon tidak membuat penegasan di dalam afidavitnya bahawa pemohon merupakan seorang ahli LTTE atau mempunyai kaitan dengan kumpulan tersebut. Oleh itu, tiada asas bagi pemohon untuk meneruskan permohonan semakan kehakiman ini.

(viii) Pemohon juga gagal untuk mengguna pakai segala remedi yang diperuntukkan di bawah s. 66B AMLA. Pemohon sebagai orang yang terkesan dan tidak berpuas hati dengan keputusan untuk mengisytiharkan kumpulan LTTE sebagai entiti tertentu sepatutnya memohon kepada responden pertama untuk membatalkan keputusan tersebut sepertimana yang diperuntukkan.

(ix) Oleh itu, pemohon sepatutnya mengguna pakai segala remedi yang terdapat di bawah s. 66B AMLA sebelum memfailkan permohonan semakan kehakiman ini. Pemohon juga gagal untuk menunjukkan sebarang keadaan khas di dalam afidavit pemohon untuk tidak mengguna pakai remedi domestik yang diperuntukkan di bawah AMLA.

(x) Responden pertama telah membuat keputusan tersebut berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak polis pada 9 Oktober 2014. Dalam membuat keputusan tersebut, pertimbangan yang penting untuk dibuat oleh responden pertama adalah sama ada LTTE adalah sebuah entiti yang diketahui membuat, cubaan untuk membuat, mengambil bahagian dalam membuat atau membantu dalam pembuatan perbuatan keganasan, atau diketahui membuat bagi pihak, atas arahan atau bersama-sama dengan entiti tersebut untuk membuat perbuatan keganasan tersebut.

(xi) LTTE merupakan kumpulan pengganas yang diasaskan di Sri Lanka. Mereka telah melancarkan ketegangan di Sri Lanka dan telah ditumpaskan pada tahun 2009. Ketua mereka telah terbunuh pada Mei 2009. Walau bagaimanapun, aktiviti kumpulan LTTE dan pengikutnya telah menembusi ke beberapa negara termasuk Malaysia.

(xii) Kewujudan LTTE di Malaysia telah dikenal pasti pada tahun 1991 apabila kapal LTTE, MV Sunbird telah disita di perairan Pulau Pinang. Pihak berkuasa telah menemui senjata dan speed boat di atas kapal tersebut. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, pengaruh LTTE telah berjaya menembusi ke dalam negara ini dengan cara merekrut profesional. Pihak polis dan Bank Negara berjaya menjejak dana yang disalurkan ke LTTE dari Malaysia.

(xiii) LTTE telah melancarkan 30 serangan di Sri Lanka dan menyebabkan kematian. Komuniti antarabangsa termasuk United Nations Security Council menyelar serangan yang dilancarkan oleh LTTE.

(xiv) Walaupun ketua kumpulan LTTE, Velupillai Prabhakaran terbunuh pada Mei 2009, dan peperangan tersebut telah berakhir di Sri Lanka, namun pengikut-pengikut LTTE telah berjaya melarikan diri dan tinggal di beberapa negara termasuk Malaysia.

(xv) Maklumat dari pihak polis juga menunjukkan bahawa Malaysia telah menjadi salah sebuah tempat untuk persembunyian dan pusat untuk mengumpul dana dan logistik. Pihak polis juga telah memaklumkan responden pertama bahawa LTTE telah secara aktif membuat beberapa propaganda untuk meraih simpati orang ramai.

(xvi) Operasi LTTE di Malaysia telah dilaporkan di dalam berita antarabangsa. Sejak tahun 2009 sehingga 2014, pihak polis telah memberkas ahli kumpulan LTTE termasuk Selvarasa Pathmanathan @ KP. Beliau mendakwa dirinya merupakan pewaris kepada Velupillai Prabhakaran. Kesemua mereka telah diusir keluar dari Malaysia.

(xvii) Berdasarkan makluman pihak polis, kumpulan LTTE masih aktif di Malaysia.

(xviii) Responden pertama telah menjelaskan berkenaan prosedur dalam membuat keputusan tersebut dan aktiviti-aktiviti LTTE. Responden pertama juga telah membuat keputusan tersebut berdasarkan keselamatan negara untuk memastikan keselamatan rakyat dan keamanan negara. Keputusan untuk mengisytiharkan LTTE sebagai entiti tertentu adalah kerana ianya berkaitan dengan keganasan. Oleh itu, keputusan responden pertama tersebut yang dibuat berdasarkan kepada keselamatan negara dan rakyat bukanlah suatu keputusan yang boleh disemak melalui semakan kehakiman. Menteri merupakan hakim yang sepatutnya menentukan berkenaan dengan isu keselamatan negara.

Isu

[14] Isu-isu yang dipertikaikan di dalam permohonan semakan kehakiman ini adalah seperti berikut:

(i) Kelewatan memfailkan permohonan semakan kehakiman;

(ii) *Locus*;

(iii) Remedi dalaman; dan

(iv) Keputusan yang dicabar tidak boleh disemak.

Isu Kelewatan

[15] Aturan 53 k. 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memperuntukkan bahawa suatu permohonan semakan kehakiman hendaklah dibuat dengan segera iaitu tiga bulan dari tarikh keputusan disampaikan atau alasan permohonan timbul.

[16] Responden pertama menurut s. 66B Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta tersebut) telah membuat suatu Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (Pengisytiharan Entiti Ditentukan Dan Kehendak Untuk Melapor) (Pindaan) 2014 bertarikh 12 November 2014 perintah tersebut). Perintah tersebut telah diwartakan semenjak 12 November 2014. Akibat dari pewartaan perintah tersebut, Kumpulan Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE) telah diisytiharkan sebagai entiti ditentukan di bawah s. 66B(1) Akta tersebut.

Seksyen 66B – Pengisytiharan entiti ditentukan

(1) Jika Menteri Dalam Negeri berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seorang pegawai polis bahawa:

(a) suatu entiti telah dengan disedarinya melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam perlakuan atau memudahkan perlakuan, suatu perbuatan keganasan; atau

(b) suatu entiti sedang dengan disedarinya bertindak bagi pihak, mengikut arahan, atau dengan bersekutu dengan, suatu entiti yang disebut dalam perenggan (a),

Menteri Dalam Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan entiti itu sebagai entiti ditentukan.

[17] Sebaik sahaja perintah dibuat di bawah s. 66B(1), maka mana-mana rakyat Malaysia dan badan berkanun yang diperbadankan (Body corporate incorporated in Malaysia) di Malaysia hendaklah tidak melibatkan diri atau terlibat dengan apa-apa aktiviti entiti ditentukan (specified entity) sebagaimana yang dinyatakan di bawah s. 66B(3)(a) hingga (d). Seksyen 66B(3) perkataan "no citizen in Malaysia" tidak mengecualikan pemohon daripada mematuhi apa-apa perintah yang dibuat di bawah s. 66B(1) Akta 613 tersebut.

Seksyen 66B(3)(a) hingga (d) menyebut:

(3) Jika suatu perintah di bawah subseksyen (1) telah dibuat:

(a) tiada warganegara Malaysia dan tiada pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia boleh di dalam atau di luar Malaysia dengan disedari mengadakan atau memungut melalui apa-apa cara, secara langsung atau tidak langsung, harta dengan niat supaya harta itu digunakan, atau dengan menyedari bahawa harta itu akan digunakan, oleh suatu entiti ditentukan;

(b) tiada warganegara Malaysia dan tiada pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia boleh di dalam atau di luar Malaysia dengan disedarinya:

(i) membuat urusan, secara langsung atau tidak langsung, mengenai apa-apa harta sesuatu entiti ditentukan, termasuk dana yang terbit atau dihasilkan daripada harta yang dipunyai atau dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh entiti itu;

(ii) membuat atau memudahkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa transaksi yang berhubungan dengan sesuatu urusan yang disebut dalam subperenggan (i);

(iii) mengadakan apa-apa perkhidmatan kewangan atau perkhidmatan lain yang berkaitan berkenaan dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau

(iv) menyediakan apa-apa harta atau apa-apa perkhidmatan kewangan atau perkhidmatan lain yang berkaitan, secara langsung atau tidak langsung, bagi faedah sesuatu entiti ditentukan;

(c) tiada warganegara Malaysia dan tiada pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia boleh di dalam atau di luar Malaysia dengan disedarinya melakukan apa-apa jua yang menyebabkan, membantu atau menggalakkan, atau yang diniatkan untuk menyebabkan, membantu atau menggalakkan, apa-apa aktiviti yang dilarang oleh perenggan (a) atau (b);

(d) tiap-tiap warganegara Malaysia dan tiap-tiap pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia hendaklah segera menzahirkan kepada Ketua Polis Negara:

(i) kewujudan harta dalam milikan atau kawalannya yang warganegara atau pertubuhan perbadanan itu mempunyai sebab untuk mempercayai adalah dimiliki atau dikawal oleh atau bagi pihak suatu entiti ditentukan; dan

(ii) maklumat mengenai sesuatu transaksi atau transaksi yang dicadangkan berkenaan dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i).

[18] Seksyen 66B(6) Akta juga memperuntukkan bahawa entiti ditentukan yang berkaitan boleh dalam tempoh 60 hari tempoh perintah diwartakan membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri Dalam Negeri untuk membatalkan perintah yang dibuat di bawah s. 66B(1). Responden pertama di dalam afidavit jawapannya mengesahkan sepanjang beliau menjawat jawatan Menteri Dalam Negeri, tiada mana-mana pihak yang telah memohon untuk membatalkan Perintah Perisytiharan Entiti yang diwartakan.

Seksyen 66B(6) menyatakan:

(6) Suatu entiti ditentukan boleh, dalam masa enam puluh hari dari penyiaran perintah itu dalam *Warta*, membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri Dalam Negeri bagi pembatalan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), atau yang disifatkan di bawah seksyen 66C telah dibuat berkenaan dengan entiti itu.

[19] Pemohon hanya memfailkan permohonan semakan kehakiman ini pada 8 Januari 2020 iaitu selepas dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan Kuala Kangsar pada bulan Oktober 2019. Alasan permohonan pemohon adalah bahawa dengan perintah yang dikeluarkan oleh responden-responden telah menjejaskan hak asasi pemohon di bawah Pelembagaan Persekutuan kerana tidak wujud lagi aktiviti keganasan yang dipertuduhkan. Dengan yang demikian perintah menyenaraikan LTTE sebagai entiti ditentukan hendaklah dibatalkan dan dikeluarkan daripada senarai perintah.

[20] Terdapat kelewatan dalam memfailkan permohonan untuk mencabar keesahan perintah responden pertama. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan responden-responden bahawa tiada sebab kelewatan diberikan dan lanjutan masa. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan pemohon bahawa keputusan mengenai perintah oleh responden pertama hanya diberitahu apabila pemohon dituduh di mahkamah. Atas sebab kelewatan sahaja, permohonan ini boleh ditolak secara *limine*.

Isu "Locus" – Kedudukan Di Sisi Undang-undang

[21] Aturan 53 k. 2(4) Kaedah-Kaedah memperuntukkan:

> 'Any person who is adversely affected by the decision, action or omission in relation to the exercise of the public duty or function shall be entitled to make the application.

Adakah pemohon merupakan pihak yang terkilan dengan perintah yang dibuat oleh responden pertama?

Pada masa permohonan semakan kehakiman ini didengar pada 6 Ogos 2020 dan keputusan diberikan pada 17 September 2020, pemohon tidak lagi menjadi pihak yang terkesan dengan perintah responden pertama tersebut. Ini adalah kerana pada 21 Februari 2020 pihak Pendakwa Raya terdahulu telah menarik balik pertuduhan terhadap pemohon. Pemohon tidak lagi tergolong di bawah maksud s. 66B(3) Akta 613. Tiada apa-apa keterangan untuk menunjukkan pemohon masih lagi menganggotai LTTE atau menjalankan aktiviti berkaitan dengan LTTE. Memandangkan pihak Pendakwa Raya terdahulu telah menarik balik pertuduhan ke atas pemohon dan pemohon telah dilepas dan dibebaskan, maka pemohon bukan lagi orang yang berkepentingan untuk mencabar perintah responden-responden (kes *Malaysian Trade Union Congress & Ors v. Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi & Anor* [2014] 2 CLJ 525, FC).

Keputusan Yang Dicabar Tidak Boleh Disemak

[22] Sama ada responden pertama dalam membuat perintah telah memberi pertimbangan wajar fakta-fakta yang ada di hadapannya dan sama ada keputusan ke atas perintah tersebut boleh disemak melalui semakan kehakiman.

Seksyen 66B Akta telah menyebut bahawa suatu perintah boleh dibuat oleh responden pertama setelah responden pertama berpuas hati dengan maklumat yang dikemukakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) tentang aktiviti LTTE. Responden pertama di dalam afidavitnya telah mengesahkan bahawa beliau berpuas hati dengan maklumat-maklumat yang diberikan bagi membolehkan suatu perintah dikeluarkan. Pemohon gagal menunjukkan bahawa pertimbangan responden pertama mengenai aktiviti LTTE adalah salah.

[23] Responden-responden telah mengeluarkan Perintah Perisytiharan Entiti atas faktor keselamatan rakyat, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Responden pertama telah membuat keputusannya menurut undang-undang. Ia munasabah dan selaras dengan peruntukan undang-undang. Perintah Perisytiharan Entiti yang dibuat di bawah s. 66B dan 66D Akta 613 merupakan suatu perintah yang sah di sisi undang-undang dan perintah tersebut tidak bercanggah dengan per. 5(1), 8(1) dan 10(2)(a), 10(2)(b) dan 10(2)(c) Perlembagaan Persekutuan.

[24] Keputusan responden pertama untuk mengisytiharkan LTTE sebagai entiti ditentukan adalah berdasarkan keselamatan negara dan keselamatan rakyat dan ianya tidak terbuka untuk semakan kehakiman. Mahkamah merujuk kepada kes *Alam Venture Sdn Bhd & Anor v. Abdul Aziz Abdul Majid & Ors* [2015] 5 CLJ 1, FC yang memutuskan:

> [21] The court may intervene on the ground that the decision maker had acted on no evidence or had come to a conclusion which on evidence it could not reasonably come: *Malayan Banking Bhd v. Association of Bank Officers Peninsular Malaysia & Industrial Court* [1988] 1 CLJ 276; [1988] 1 CLJ (Rep) 183; *Ashbridge Investments Ltd v. Minister of Housing and Local Government* [1971] 1 WLR 433. *It is now settled law that the courts may review the decision of an inferior tribunal on the grounds of illegality, irrationality and possibly proportionality: R Rama Chandran v. Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 CLJ 147; [1997] 1 MLJ 145, *thus permitting the courts to scrutinise the decision not only for process but also for substance.* In *Petroliam Nasional Bhd v. Nik Ramli Nik Hassan* [2003] 4 CLJ 625; [2004] 2 MLJ 288 *this court however clarified that not every case was amenable to judicial review pursuant to the principle in R Rama Chandran's case. It should only be invoked in appropriate cases. There may be cases in which for reasons of public policy, national interest public safety or national security it may be wholly inappropriate for the courts to attempt any substitution of views: Kumpulan Perangsang Selangor Bhd v. Zaid Mohd Noh* [1997] 2 CLJ 11; [1997] 1 MLJ 789.

Isu – Remedi Dalaman/Domestik

[25] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v. Alcatel-Lucent (M) Sdn Bhd & Anor* [2017] 2 CLJ 1; [2017] 1 MLJ 563, FC telah pun memutuskan isu mengenai remedi domestik hendaklah digunakan terlebih dahulu bagi memutuskan semua isu yang menjadi pertikaian oleh pihak yang tidak berpuas hati. Penghakiman Mahkamah Persekutuan yang dirujuk di dalam kes *Alcatel* iaitu:

Held:

(1) *In the circumstances of this case, if the first respondent was dissatisfied with the assessment or notice of assessment issued by the appellant, it ought to have exercised its right to appeal under s. 99 of the Act to the Special Commissoners. By filing an appeal before the Special Commissioners, the respondents would have had that opportunity to challenge the decision of the appellant as to whether the payments were indeed royalty.* In addition, the respondents would have had the chance to rebut s. 15A of the Act, which provides that certain income, including the likes of services rendered by the second respondent to the first respondent, should be deemed to be derived from Malaysia. *Instead the respondents filed a judicial review under O. 53 of the RHC. By circumventing the Special Commissioners from resolving these issues, and unwittingly leaving the deeming provision unrebutted, the first respondent's payments to the second respondent were thus income derived from Malaysia.* That being so, the requirements of s. 4(d) read together with s. 109, and s. 4A read together with s. 109B of the Act had been satisfied. In short, as the first respondent was liable to pay (and did pay), and the second respondent was taxable even though a non-resident, ss. 109 and 109B respectively of the Act would be triggered and the first respondent would be statutorily bound to withhold a portion of the payments as tax. *Thus, the fact that there was no appeal to the Special Commissioners meant that certain facts and conclusions were not reversible and this court could not delve into the merits of the matter which should have been resolved bv the Special Commissioners* (see paras 62-64 & 84).

[26] Keputusan dalam kes *Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v. Bandar Nusajaya Development Sdn Bhd* [2016] MSTC 30-117, kes *Iskandar Coast Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2019] 7 CLJ 143; [2019] MLJU 429, CA, kes *Ta Wu Realty Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri & Anor* [2008] 6 CLJ 235 dan kes *Cheah Foong Chiew v. Lembaga Jurutera Malaysia* [1999] 3 CLJ 242; [1999] 3 MLJ 110 memberi keputusan yang sama bahawa pihak-pihak hendaklah mengguna pakai remedi domestik yang diperuntukkan undang-undang dan semakan kehakiman sepatutnya tidak boleh dibenarkan.

[27] Seksyen 66B(6) Akta telah dengan jelas memperuntukkan bahawa suatu entiti ditentukan boleh, dalam masa enam puluh hari dari penyiaran perintah itu dalam *Warta*, membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri Dalam Negeri bagi pembatalan perintah yang dibuat di bawah s. 66B(1). Ini bermakna, permohonan pembatalan hanya boleh dibuat dalam masa 60 hari dari tarikh penyiaran perintah itu dalam *Warta* dan tidak selepasnya.

[28] Responden pertama melalui afidavit Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang diikrarkan pada 15 Mei 2020 mengesahkan bahawa tiada sebarang permohonan pembatalan dibuat oleh mana-mana orang atau pihak menurut s. 66B(6) Akta 613 selepas Perintah Perisytiharan Entiti tersebut diwartakan. Hujahan pemohon bahawa tarikh 60 hari dikira dari tarikh beliau dituduh di mahkamah adalah tidak berasas.

[29] Undang-undang adalah jelas bahawa suatu perintah yang dibuat di bawah s. 66B(1) boleh dibatalkan sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 66B(7).

Seksyen 66B(7) Akta memperuntukkan:

> (7) Jika, atas suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (6), Menteri Dalam Negeri:
>
> (a) memutuskan bahawa terdapat alasan munasabah bagi pembatalan perintah itu, Menteri Dalam Negeri hendaklah membatalkan perintah itu dan menyiarkan suatu perintah pembatalan dalam *Warta*; atau
>
> (b) memutuskan bahawa tidak ada alasan munasabah bagi pembatalan perintah itu, Menteri Dalam Negeri hendaklah menolak permohonan itu dan hendaklah, dalam masa enam puluh hari dari penerimaan permohonan itu, memberitahu pemohon mengenai keputusannya.

[30] Dalam kes ini, pemohon gagal melaksanakan remedi domestik yang diperuntukkan oleh undang-undang sebelum memfailkan permohonan semakan kehakiman ini. Semenjak perintah tersebut diwartakan pada 12 November 2014, pemohon tidak pernah memfailkan sebarang permohonan kepada Menteri untuk membatalkan perintah tersebut. Pemohon sebaliknya hanya memfailkan permohonan semakan kehakiman ini pada 8 Januari 2020 dan ianya telah melebihi tempoh tiga bulan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah A. 53 k. 3(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Surat Mantan Perdana Menteri Bertarikh 12 Februari 2020

[31] Pemohon melalui surat peguam caranya bertarikh 8 September 2020 yang difailkan secara e-filing ke mahkamah ini mengemukakan sesalinan surat daripada Mantan Perdana Menteri bertarikh 12 Februari 2020 kepada Menteri Dalam Negeri ("surat tersebut") antara lainnya menyatakan mahkamah ini boleh mengambil "judicial notice" berhubung dengan kandungan surat tersebut yang mengarahkan Tamil Tigers dikeluarkan daripada senarai "terrorist".

[32] Adalah pendapat mahkamah ini bahawa surat tersebut telah dihantar melalui pemfailan surat secara pentadbiran. Sifatnya tidak lebih dari surat biasa yang dihantar ke mahkamah. Ia tidak dimasukkan dan disahkan dalam apa jua bentuk afidavit dari pihak pemohon untuk diberi pertimbangan oleh

mahkamah ini. Dalam keadaan demikian, mahkamah tidak perlu mengambil apa-apa "judicial notice" mengenai kandungan surat tersebut. Ini adalah kerana kesahihan kandungannya masih menjadi persoalan.

Kesimpulan

[33] Secara keseluruhannya, setelah mahkamah menimbang permohonan pemohon ini dan hujahan pihak-pihak sama ada secara bertulis atau lisan, adalah dapatan mahkamah ini bahawa perintah yang dibuat di bawah s. 66B Akta AMLA adalah berdasarkan keselamatan negara dan rakyat. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan responden-responden bahawa responden pertama adalah pihak yang terbaik untuk menentukan sama ada kedudukan keselamatan negara terancam atau tidak. Responden-responden telah menimbang faktor-faktor utama sebelum mengeluarkan perintah tersebut.

[34] Mahkamah ini juga mendapati pihak pemohon gagal membuktikan kepada mahkamah ini bahawa keputusan responden-responden tersebut telah dicemari dengan unsur-unsur kesilapan undang-undang (illegality), keputusan yang tidak rasional (irrationality), ketidakaturan prosedur (procedural impropriety); dan keputusan yang tidak bersepadanan (proportionality). Berdasarkan kes-kes yang diputuskan, adalah jelas bahawa keputusan responden-responden melibatkan keselamatan negara dan keputusan tersebut tidak wajar untuk disemak oleh mahkamah ini.

[35] Maka itu, mahkamah dengan ini menolak permohonan pemohon dan tanpa perintah kos.